

Pengenalan

Program Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) mula dilaksanakan pada tahun 1975. SPBT merupakan satu program pinjaman buku teks kepada murid yang layak di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Pemberian pinjaman buku teks dilaksanakan mengikut Dasar Kelayakan SPBT yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kabinet. Dasar Kelayakan ini digunakan untuk menentukan sama ada seseorang murid itu layak atau tidak layak menerima pinjaman buku teks SPBT sebagaimana yang digunakan pada borang SPBT 1.

Program SPBT asalnya dilaksanakan bertujuan untuk meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga yang kurang mampu dan memastikan murid daripada keluarga yang kurang mampu tidak tercicir dalam persekolahan mereka. Namun, bermula tahun 2008, kerajaan Malaysia telah memberi bantuan pinjaman buku teks kepada semua murid yang bersekolah di sekolah kerajaan tanpa mengira taraf kewangan keluarga. Justeru, keadaan ini menjadikan tanggungjawab unit SPBT bertambah berat bagi memastikan setiap buku diproses dan diagihkan kepada semua murid di SMKS19.

Objektif

1. Murid- murid yang layak mendapat bekalan buku yang mencukupi.
2. Pengurusan dan pengagihan buku- buku teks dapat dijalankan dengan lancar dan sistematik.
3. Murid - murid dapat menggunakan buku- buku tersebut secara berkesan di dalam kelas dan sebagai rujukan ketika di rumah.

Visi

Menjadikan pengurusan SPBT bersistematik, bermanfaat dan terkini.

Misi

Mewujudkan Sistem Pengurusan SPBT yang sistematik dan melahirkan murid yang jujur, bertanggungjawab dan cintakan ilmu pengetahuan

Piagam Pelanggan

Bahawasanya kami, Jawatankuasa SPBT Sekolah menengah Kebangsaan Seksyen 19 akan menjalankan amanah dengan baik dalam

- Pemberian buku teks yang adil dan lengkap kepada semua murid.
- Menguruskan proses pengagihan dan pemulangan buku teks dengan cekap.
- Memastikan buku teks yang diterima murid berada dalam keadaan yang baik.
- Menyelesaikan sebarang masalah yang berkaitan dengan buku teks dengan segera.

Motto SPBT SMKS19


Buku Disayang Ilmu Disanjung

Bahawasanya kami, Jawatankuasa SPBT Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 19 akan menjalankan amanah dengan baik dalam :

Pemberian buku teks yang adil dan lengkap kepada semua murid.

- Menguruskan proses pengagihan dan pemulangan buku teks dengan cekap.
- Memastikan buku teks yang diterima murid berada dalam keadaan yang baik.
- Menyelesaikan sebarang masalah yang berkaitan dengan buku teks dengan segera

Carta Aliran Pengurusan SPBT Peringkat Sekolah



Carta Aliran Proses Penentu Kelayakan Murid

